



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 48 /2024

MASJID MENJANA EKONOMI UMMAH

29 November 2024

Bersamaan

27 Jamadil Awal 1446

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى ، وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ .
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Laksanakan segala suruhan dan titah perintahNya di samping meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita semua tergolong dalam kalangan orang yang berjaya di dunia dan memperolehi nikmat syurga di akhirat.

Tajuk Khutbah pada hari ini ialah:

MASJID MENJANA EKONOMI UMMAH

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,

Islam merupakan agama atau sistem hidup yang lengkap dan menyeluruh, sama ada sebesar-besar perkara hinggalah sekecil-kecilnya. Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek keagamaan semata-mata, tetapi peranannya meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ

الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.

(Surah al-Baqarah: 208)

Agama Islam yang bersifat sempurna ini bukan sahaja membantu dalam pembinaan tamadun malah memandu dalam memperkasakan diri serta ummah seluruhnya. Justeru, umat Islam sepatutnya terkedepan dalam semua hal kerana mereka merupakan pewaris generasi kelas pertama yang pernah dibentuk oleh Rasulullah SAW sebagai generasi yang cemerlang dan gemilang.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi,

Mutakhir ini, umat Islam dilihat lemah, hilang keyakinan dan bergantung harap kepada orang lain dalam setiap bidang. Kita sering tertanya, apakah punca kelemahan umat Islam hari ini? Adakah disebabkan oleh kelebihan dan kekuatan orang lain atau berpunca daripada kelemahan dalaman umat Islam?

Menurut Dr.Yusuf al-Qardhawi sebenarnya umat Islam bukannya lemah tetapi mereka kurang kesedaran, lupa diri dan tidak menggunakan seluruh kekuatan dan potensi diri, bahkan kehidupan mereka banyak bergantung kepada bukan Islam.

Wajar kita fahami bahawa kelemahan dunia Islam hari ini bukanlah disebabkan hebat dan cekapnya perancangan bukan Islam, tetapi bijaknya mereka mengambil kesempatan ke atas umat Islam, terutamanya dalam penguasaan bidang ekonomi.

Sebagai contoh, kita dapat lihat akhir-akhir ini banyaknya pasaraya atau hypermarket di mana-mana sahaja. Sambutan yang begitu menggalakkan daripada umat Islam yang menjadi pelanggan tetap sudah tentu akan mendorong lebih ramai lagi syarikat atau pelabur asing untuk membina empayar dan penguasaan ekonomi di negara ini.

Jika kita umat Islam tidak bertindak membantu sesama sendiri, bererti kita membiarkan peniaga dan pengusaha muslim gagal dalam usaha pengukuhan ekonomi.

Rasulullah SAW bersabda:

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ،
وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ

Maksudnya: Orang muslim itu adalah saudara kepada orang muslim. Dia (muslim) tidak menzalimi saudara muslimnya dan tidak membiarkannya dizalimi. Sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya, maka Allah menunaikan hajatnya.

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sidang Jumaat sekalian,

Khatib mengesyorkan agar seluruh ahli kariah bersama-sama membantu membina gagasan ekonomi ummah yang boleh diperkasakan melalui penubuhan koperasi kariah masjid yang boleh menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi. Ini selaras dengan cadangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) supaya setiap masjid di negeri ini mewujudkan koperasi sebagai pusat ekonomi setempat.

Jika kita andaikan setiap rumah muslim di negeri ini membeli barangan keperluan dapur sahaja dari kedai koperasi kariah masjid, maka ekonomi umat Islam dapat dijana. Dengan itu, institusi masjid akan dapat melakukan pelbagai agenda dan perancangan termasuk membantu golongan miskin, anak yatim, ibu tunggal dan lain-lain.

Ini selaras dengan sabda Nabi SAW :

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksudnya: Bandingan seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain bagaikan satu bangunan, kuat menguatkan antara satu sama lain.

(Hadis Riwayat alBukhari dan Muslim)

Hadirin sekalian,

Ketika Rasulullah SAW memimpin Madinah, Baginda SAW telah mewujudkan sistem ekonomi Islam bagi menggantikan sistem ekonomi Yahudi dan jahiliah. Pasar-pasar perniagaan orang-orang Islam telah dibina sebagai usaha pengukuhan ekonomi masyarakat Islam.

Sistem ekonomi di Madinah ini dibina atas dokongan dan sokongan para Sahabat dalam perniagaan sehingga ramai yang telah berjaya. Antara kejayaan yang telah dicapai oleh ekonomi Islam ialah:-

- 1) Pasar kaum Yahudi telah ditutup kerana kerugian dan masyarakat Islam Madinah lebih mengutamakan pasar milik peniaga Islam.
- 2) Sistem wakaf telah berkembang di mana para Sahabat telah mewakafkan sebahagian besar harta untuk keperluan penduduk seperti sumber air, tanah untuk pembinaan institusi masjid yang menjadi pusat pemerintahan dan perkembangan dakwah serta pendidikan pada masa itu.
- 3) Zakat yang termaktub dalam sistem ekonomi Islam berjaya membela nasib golongan miskin, anak yatim dan golongan asnaf.

Pencapaian Rasulullah SAW dalam membina sistem ekonomi Islam sebenar sangat banyak dan merangkumi segala aspek. Dengan adanya sistem ekonomi Islam yang saksama dan dokongan daripada seluruh umat Islam pada masa itu telah membawa kepada kejayaan, bahkan tekanan ekonomi yang dilakukan oleh orang yahudi sebelum itu dapat diselesaikan.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama berusaha memartabatkan ekonomi ummah kerana ia adalah kewajipan kepada setiap orang Islam. Marilah sama-sama kita menyokong semua usaha memartabatkan ekonomi umat Islam dengan penubuhan koperasi masjid kariah masing-masing. Kalau bukan kita, siapa lagi? Kalau bukan sekarang, bila lagi? Semoga usaha murni ini diberkati oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَبْتَغِ فِي مَاءِ آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ

إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: Dan tuntutlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.

(surah al-Qasas:

77)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Kita kini berada pada musim tengkujuh yang boleh mendatangkan musibah pada bila-bila masa. Untuk itu, buatlah persediaan yang sewajarnya. Patuhilah saranan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, dengan menjalankan ikhtiar mencegah sebarang kemalangan dan celaka, juga persiapan menyelamatkan diri dan harta. Selain itu, dapatkanlah maklumat berkenaan keadaan cuaca daripada sumber yang sahih dan elakkan daripada menyebarkan berita palsu. Perbanyakkan doa kepada Allah SWT agar Dia melindungi diri, keluarga dan negeri kita daripada sebarang mara bahaya.

Tak lupa juga, sama-samalah kita menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana bagi meringankan beban yang mereka hadapi. Jadikan musim tengkujuh ini sebagai ruang muhasabah diri terhadap sebarang kecuaiian kepada Pencipta, juga musim merebut ganjaran daripada Allah SWT, sama ada dengan bersabar terhadap ujian-Nya, mahupun dengan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ

الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى

السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ
أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ.

Ya Allah,

Teguhkanlah Iman kami dalam menempuh segala mehnah dan ujianMu, Kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada negara kami Malaysia dan negeri kami Terengganu Darul Iman, Jadikan negeri kami ini negeri yang aman. Jauhi negeri kami daripada sebarang musibah, perpecahan dan huru hara.

Ya Allah,

Cemerlangkanlah pendidikan anak-anak kami, Tambahkanlah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di palestina. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi baitul maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

Amiin amiiin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكُرُوا اللَّهَ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.